



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PANDUAN AMALAN BAIK HUTAN (*GOOD FOREST PRACTICES*) UNTUK PENGUSAHASILAN KAYU KAYAN TANAH KERAJAAN

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada tahun 2013, keluasan tanah berhutan di Semenanjung Malaysia adalah 5.83 juta hektar atau 44.2% daripada jumlah keluasan tanah. Kawasan berhutan ini terdiri daripada 4.93 juta hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), 0.78 juta hektar kawasan Taman Negara dan Rizab Hidupan Liar manakala baki 0.30 juta hektar adalah Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik.

- 1.2 Masyarakat melihat hutan sebagai satu entiti, sedangkan di Malaysia, hutan diurus secara berlainan bagi kawasan-kawasan HSK, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik. Bagi kawasan HSK, pengurusan hutan memberi penekanan kepada aspek-aspek dan ciri-ciri Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (*Sustainable Forest Management*). Manakala kawasan Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik pula, pengurusan hutan tidak memberi penekanan kepada aspek-aspek *SFM* disebabkan kawasan-kawasan tersebut biasanya dirancang untuk projek-projek pembangunan tanah. Peranan Jabatan Perhutanan adalah tertumpu kepada pengeluaran hasil kayu (jika ada permohonan).

- 1.3 Pengusahasilan yang tidak mesra alam seringkali mendapat kecaman masyarakat kerana ianya mendatangkan impak negatif terhadap alam sekitar. Isu-isu ini seringkali mendapat perhatian media massa dan dimanipulasi oleh pesaing-pesaing komoditi di pasaran antarabangsa. Kaedah pengurusan hutan yang berbeza di antara ketiga-tiga kategori HSK, Tanah Kerajaan dan Tanah Berimilik boleh menjelaskan kredibiliti *SFM* secara keseluruhannya. Ianya dianggap sebagai *leakage* di dalam sistem pengurusan hutan di negara ini.
- 1.4 Keputusan Majlis Perhutanan Negara Ke-19 tahun 2005 telah memutuskan supaya langkah-langkah Amalan Baik Hutan perlu dilaksanakan bagi Pengusahasilan Hutan Tanah Kerajaan. Di samping itu, Pelan Tindakan Perancangan Strategik JPSM 2008-2020 (pindaan 2010) juga telah menetapkan supaya satu Panduan Amalan Baik Hutan (*Good Forest Practices*) Untuk Pengusahasilan Hutan Tanah Kerajaan disediakan.
- 1.5 Oleh yang demikian, satu Panduan Amalan Baik Hutan (*Good Forest Practices*) Untuk Pengusahasilan Kayu Kayan Tanah Kerajaan perlu diwujudkan bagi mengurangkan impak pengusahasilan hutan Tanah Kerajaan ke atas alam sekitar dan seterusnya mengatasi persepsi negatif terhadap pengurusan sumber hutan negara di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa.

2.0 OBJEKTIF PANDUAN

Objektif panduan ini ialah untuk menyeragamkan kawalan ke atas pengusahasilan hutan Tanah Kerajaan selaras dengan Amalan Baik Hutan (*Good Forest Practices*) yang tidak terlibat dengan projek pembangunan tanah dalam tempoh tiga tahun ke atas.

3.0 PERKARA-PERKARA AMALAN BAIK HUTAN

Pengusahasilan hutan Tanah Kerajaan hendaklah mengambil kira kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan konservasi biodiversiti. Dalam hubungan ini, amalan baik hutan yang perlu diambil perhatian adalah seperti berikut:

i. Kawasan pengusahasilan yang melebihi 500 hektar

Kawasan pengusahasilan yang melebihi 500 hektar perlu menyediakan Laporan Impak Alam Sekitar mengikut panduan *Environmental Impact Assessment (EIA): Procedur and Requirements in Malaysia*.

ii. Penandaan Sempadan Kawasan Pengusahasilan

Penandaan Sempadan Kawasan Kerja perlu dilaksanakan mengikut Manual Perhutanan, Jilid II, di dalam Bab12.

iii. Menghadkan Aktiviti Pengusahasilan

Aktiviti pengusahasilan tidak dibenarkan semasa musim hujan bagi mengurangkan impaknya ke atas hakisan tanah dan habitat flora dan fauna.

iv. Mengadakan Had Batas Tebangan (HBT)

Had batas tebangan perlu ditetapkan bagi kawasan yang tidak mempunyai pelan pembangunan tanah dalam tempoh tiga tahun ke atas. Bagi maksud ini, had batas tebangan ditetapkan ialah 30cm ppd dan perlu ditanda sebagai pokok tebangan. Pokok yang

berada di kawasan kecerunan melebihi 40 darjah tidak ditanda sebagai pokok tebangan.

v. Pembinaan Jalan Tuju

Penetapan jajaran bagi Jalan Tuju hendaklah diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri.

vi. Zon Penampan Hutan Simpanan Kekal (HSK)

Zon penampan perlu diadakan bagi kawasan pengusahasilan hutan yang bersempadan dengan HSK serta kawasan-kawasan perlindungan atau tanah rizab lain. Kelebaran zon penampan yang perlu diwujudkan ialah sekurang-kurang 20 meter dalam kawasan Tanah Kerajaan.

vii. Zon Penampan Sungai

Zon penampan perlu ditandakan di kawasan yang mempunyai sungai dengan berpandukan kelebaran minimum sekurang-kurangnya 10 meter lebar di kiri dan kanan. Aktiviti tebangan pokok dalam kawasan zon penampan sungai tidak dibenarkan.

viii. Penggunaan Mesin atau Jentera Pengusahasilan Yang Bersesuaian

Jenis dan bilangan mesin atau jentera pengusahasilan hutan yang digunakan haruslah sesuai dan berpadanan dengan skala keluasan kawasan pengusahasilan. Bilangan jentera yang dibenarkan hendaklah mengikut yang ditetapkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri.

ix. Keselamatan Pekerja

Pekerja perlu dipastikan selamat dalam mengendalikan apa-apa aktiviti pengusahasilan dengan diberikan peralatan kerja dan peralatan keselamatan yang masih berfungsi dengan baik. Pekerja juga sewajarnya diberi latihan yang mencukupi sebelum operasi pengusahasilan.

x. Pengusahasilan Hutan Mengikut Blok

Bagi kawasan yang melebihi 100 hektar, pengusahasilan hutan hendaklah dijalankan mengikut blok di mana satu blok tidak melebihi 100 hektar. Pengusahasilan Hutan Mengikut Blok perlu dilaksanakan mengikut Manual Kualiti MS ISO 9001:2008 PK (P)-Hutan-07-Usahasil.Dok.

xi. Laporan Pemantauan

Laporan pemantauan kemajuan perlaksanaan aktiviti pengusahasilan hutan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi memastikan kawasan tersebut diusahasilkan dengan cara teratur, terkawal dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

xii. Laporan Penutup

Laporan Penutup Pengusahasilan Hutan bagi sesuatu Kawasan Lesen hendaklah disediakan apabila kerja-kerja pengusahasilan hutan selesai dijalankan untuk tujuan penutupan lesen.

4.0 PENUTUP

Panduan ini akan membantu Jabatan Perhutanan Negeri dalam pengawalan aktiviti pengusahaan hutan Tanah Kerajaan dengan mengambil kira kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan pemeliharaan biodiversiti hutan.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia.

Bertarikh: **16** Mac 2016